

Nama: _____

Kelas : _____

SULIT
Matematik
Kertas 1
Set 6/2001
1 Jam

**KERTAS MODEL
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2001**

MATEMATIK
Satu jam

Arahan Am:

1. ***Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan.***
2. ***Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.***
3. ***Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.***

- 1 $409 \times 55 =$
A 2 045
B 20 075
C 20 595
D 22 495
- 2 $28\,458 \div 27 =$
A 154
B 1 054
C 1 504
D 1 540
- 3 $68.08 \times 38.3 =$
A 2 607.464
B 2 706.64
C 2 706.644
D 26 074.64
- 4 Nilai $\frac{3}{10} + \frac{7}{100}$ dalam nombor perpuluhan ialah
A 0.001
B 0.037
C 0.01
D 0.37
- 5 $3\frac{5}{12} + 7\frac{3}{4} =$
A $10\frac{1}{2}$
B $10\frac{1}{6}$
C $11\frac{1}{6}$
D $11\frac{1}{2}$
- 6 $89.6 \div 20 \times 100 =$
A 44.8
B 4.48
C 448
D 4 480

7 $5\frac{3}{11} - 2\frac{7}{11} =$

A $2\frac{7}{11}$

B $2\frac{4}{11}$

C $2\frac{6}{11}$

D $3\frac{7}{11}$

8 Berapakah yang perlu ditambah kepada 13.709 supaya menjadi 50?

A 26.319

B 36.291

C 38.911

D 63.709

9 Hasil tambah 234 790 dengan 24 578 kepada puluh ribu yang hampir ialah

A 259 368

B 259 300

C 259 000

D 260 000

PAPAN MARKAH				
76	82	79	71	?
Cekap	Bestari	Cerdik	Bagus	Handal

Rajah 1

10 Rajah 1 menunjukkan markah yang dikumpul oleh pasukan-pasukan yang bertanding dalam suatu kuiz. Jika purata markah yang dikumpul oleh semua pasukan itu ialah 78, maka markah yang dikumpul oleh pasukan Handal ialah

A 77

B 80

C 82

D 90

Buah-buahan	Harga sekilogram
Rambutan	RM3.00
Jambu madu	RM7.00
Anggur	


Jadual 1

- 11 Jadual 1 menunjukkan harga dua daripada tiga jenis buah-buahan. Encik Aiman membeli 3 kg buah rambutan, 2 kg buah jambu madu dan 2 kg anggur. Dia membayar dengan sekeping wang kertas RM50 dan diberi baki RM3. Berapakah harga sekilogram anggur itu?
- A RM6
 B RM12
 C RM14
 D RM24

Barangan dapur	Bawang	Garam	Cili kering
Berat (kg)	$2\frac{3}{4}$	$\frac{1}{2}$	2.8


Jadual 2

- 12 Jadual 2 menunjukkan tiga jenis barangan dapur yang dibeli oleh Puan MaimUnah. Berapakah jumlah berat barangan tersebut, dalam g?
- A 5.35
 B 6.05
 C 5 305
 D 6 050
- 13 Purata bagi $\frac{1}{2}$ jam, $\frac{3}{4}$ jam, $\frac{1}{4}$ jam dan 30 minit, dalam minit ialah
- A 30
 B 35
 C 40
 D 45
- 14 2 200 biji manik dibahagi antara Susan dan Mary. Susan mendapat 400 biji manik lebih daripada Mary. Berapakah bilangan manik yang Mary dapat?
- A 800
 B 900
 C 1 000
 D 1 100




Rajah 2

- 15 Rajah 2 menunjukkan harga durian yang dijual oleh Asraf. Jumlah berat kesemua durian itu ialah 48 kg. Berapakah keuntungan yang Asraf dapat jika harga kos bagi 48 kg durian yang dijual itu ialah RM144?
- A RM144
 - B RM150
 - C RM288
 - D RM432



Rajah 3

- 16 Rajah 3 menunjukkan suatu garis nombor. Nilai P ialah
- A $\frac{7}{8}$
 - B $\frac{3}{4}$
 - C 0
 - D 1
- 17 Marimutu diberi gaji sebanyak RM800 **sebulan** pada bulan Mac dan April. Pada bulan Mei, gajinya dinaikkan sebanyak 15%. Berapakah jumlah gajinya untuk ketiga-tiga bulan itu?
- A RM920
 - B RM1 720
 - C RM2 520
 - D RM2 760



Rajah 4

- 18 Rajah 4 menunjukkan tiga pemberat. Berapakah jumlah berat pemberat-pemberat itu dalam kg?
- A 8.5 kg
 - B 8.25 kg
 - C 10.75 kg
 - D 10.525 kg

Sabtu	● ● ● ● ●
Ahad	● ● ● ● ● ● ● ●
Isnin	● ● ● ● ● ● ●
Selasa	● ● ● ● ● ●
Rabu	● ● ● ● ● ● ● ●
Khamis	● ● ● ● ● ● ● ● ●

Rajah 5

- 19 Piktograf dalam Rajah 5 menunjukkan bilangan telur ayam yang dikutip oleh Encik Samad di ladang ternakannya. Encik Samad mengutip sebanyak 645 biji telur ayam dalam enam hari itu. Bilangan telur ayam yang diwakili oleh simbol ● ialah
- A 15 biji
 - B 25 biji
 - C 48 biji
 - D 50 biji



Rajah 6


- 20 Rajah 6 menunjukkan isi padu sekotak jus oren. Lina membeli 8 kotak jus oren itu. Berapa liter jus oren yang dibelinya?
- A 6.08 /
 - B 6.28 /
 - C 62.08 /
 - D 62.8 /
- 21 Setelah menjual $\frac{3}{7}$ daripada pensel yang ada, Koperasi Jimat masih mempunyai 2 160 batang pensel dalam stoknya. Berapakah jumlah pensel dalam stok Koperasi Jimat pada mulanya?
- A 3 780
 - B 3 870
 - C 4 570
 - D 4 070
- 22 Tinggi Syuib ialah 1.44 m. Tinggi Kamsan adalah 0.18 m kurang daripada tinggi Syuib, manakala tinggi Fauzan adalah 23 cm lebih tinggi daripada tinggi Kamsan. Cari tinggi Fauzan dalam m.
- A 1.26
 - B 1.38
 - C 1.49
 - D 1.67



Rajah 7

- 23 Waktu yang ditunjukkan pada muka jam dalam Rajah 7 adalah $1\frac{11}{12}$ jam lebih cepat daripada waktu sebenar. Apakah waktu sebenar?

- A pukul 1.30
- B pukul 1.45
- C pukul 12.25
- D pukul 12.50



Rajah 8


- 24 Rajah 8 terdiri daripada beberapa segi empat sama yang sama besar. Pecahan kawasan berlorek daripada seluruh rajah itu ialah

- A $\frac{1}{2}$
- B $\frac{1}{4}$
- C $\frac{3}{8}$
- D $\frac{1}{8}$




Rajah 9

- 25 Rajah 9 ialah kalender yang menunjukkan tarikh suatu pameran dimulakan. Pameran tersebut berlangsung selama 60 hari. Bilakah tarikh pameran tersebut tamat?
- A 16 April 1995
 - B 15 April 1995
 - C 17 Mei 1995
 - D 18 Mei 1995



Rajah 10

- 26 Rajah 10 terdiri daripada beberapa petak segi empat sama yang sama besar. Jika luas kawasan yang berlorek ialah 24 cm^2 , berapakah luas seluruh rajah?
- A 76 cm^2
 - B 78 cm^2
 - C 80 cm^2
 - D 84 cm^2



Rajah 11


- 27 Rajah 11 menunjukkan segi empat tepat $PQSR$. Luas kawasan berlorek ialah 6 kali luas segi tiga PRT . Hitungkan panjang PQ dalam cm.
- A 9 cm
 - B 11 cm
 - C 12 cm
 - D 14 cm
- 28 Gaji Nabilah ialah RM2 400. Setiap bulan dia menyimpan 20% daripada gajinya itu. Berapakah jumlah simpanannya dalam tempoh satu setengah tahun?
- A RM480
 - B RM720
 - C RM5 760
 - D RM8 640

Dewasa	RM25
Kanak-kanak	RM18

Jadual 3


- 29 Jadual 3 menunjukkan harga tiket masuk ke sebuah taman tema. Jika 6 orang guru membawa 38 orang murid masuk ke taman tersebut, berapakah jumlah bayarannya?
- A RM834
 - B RM843
 - C RM864
 - D RM1 058

- 30 Dalam sebuah bakul terdapat 12 biji betik yang beratnya antara 850 g dan 1.2 kg sebiji. Anggarkan jumlah berat semua betik, dalam kg.
- A 8.4 kg
 - B 10.2 kg
 - C 12 kg
 - D 14.4 kg




Rajah 12

31	Kedua-dua bentuk dalam Rajah 12 mempunyai perimeter yang sama. Cari panjang sisi P .	
	A	6
	B	7
	C	8
	D	9




Rajah 13

- 32 Rajah 13 menunjukkan bahagian kek yang dipunyai oleh empat orang kanak-kanak. Nilai X ialah
- A 0.31
 - B 0.69
 - C 3.1
 - D 6.9



Rajah 14


- 33 Dalam Rajah 14, $ABCD$ dan $EFCG$ ialah segi empat sama. Berapa peratuskan kawasan berlorek daripada seluruh rajah?
- A 44
 B 49
 C 66
 D 72
- 34 Sebuah mesin dapat mencetak 12 helai poster dalam masa 15 saat. Berapa helai posterkah yang dapat dicetak dalam masa 1 jam?
- A 48 helai
 B 720 helai
 C 2 880 helai
 D 10 800 helai



Rajah 15

- 35 Graf palang dalam Rajah 15 menunjukkan bilangan motosikal yang dijual oleh sebuah syarikat dalam tiga tahun tertentu. Jumlah motosikal yang dijual oleh syarikat itu bagi ketiga-tiga tahun tersebut ialah 12 040 buah. Berapakah jumlah motosikal yang dijual dalam tahun 1999?

- A 2 580
- B 4 300
- C 5 160
- D 6 210



Rajah 16

- 36 Dalam Rajah 16, kawasan berlorek adalah 35% daripada luas seluruh rajah. Diberi luas seluruh rajah ialah 60 cm^2 . Maka, luas kawasan tidak berlorek dalam cm^2 ialah
- A $\frac{35}{100} \times 60$
 - B $\frac{35}{60} \times 100$
 - C $\frac{35}{65} \times 100$
 - D $\frac{65}{100} \times 60$

- 37 Kok Meng mempunyai 80 biji manik. Edward pula mempunyai 2 kali ganda bilangan manik yang dipunyai oleh Kok Meng. Mereka telah memberikan 10% daripada manik masing-masing kepada Suzi. Berapakah bilangan manik yang diterima oleh Suzi?
- A 8 biji
 B 16 biji
 C 20 biji
 D 24 biji



Rajah 17

- 38 Rajah 17 menunjukkan berat beras di dalam kampak *A* dan kampak *B*. Berapa gram beraskah yang perlu dikeluarkan dari kampak *A* dan dimasukkan ke dalam kampak *B* supaya kandungan beras dalam kedua-dua kampak sama berat?
- A 1 035 g
 B 1 350 g
 C 2 007 g
 D 2 700 g



Rajah 18

- 39 Rajah 18 menunjukkan harga jual sebuah jam tangan. Sazali membeli jam itu dengan harga RM136. Berapa peratuskah pengurangan harga jam itu?

- A 15%
- B 20%
- C 25%
- D 30%

40 Seorang peniaga membeli 40 kg durian dengan harga RM228. Berapakah harga jual sekilogram durian itu jika dia hendak mendapat keuntungan sebanyak RM1.50 setiap kilogram?

- A RM5.70
- B RM6.20
- C RM6.90
- D RM7.20

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN KERTAS MODEL: SET 6/2001

1 D
2 B
3 A
4 D
5 C
6 C
7 A
8 B
9 D
10 C
11 B
12 D
13 A
14 B
15 A
16 B
17 C
18 D
19 A
20 B

21 A
22 C
23 B
24 B
25 D
26 C
27 C
28 D
29 A
30 C
31 B
32 A
33 B
34 C
35 B
36 D
37 D
38 B
39 A
40 D